

SOALAN NO: 538

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMPUT]
RUJUKAN : BL11 [PR-1352-T01123]
SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan:-

- (a) penutupan Jalan Damanseri dan jambatan 'link bridge' yang menyambung Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur; dan
- (b) pembinaan jambatan baru yang akan menyambung jalan Putramas dari jalan Segambut, Kuala Lumpur dan mengapa tiada perbincangan awam dengan pihak-pihak yang relevan terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut,

- (a) Penutupan Jalan Damanseri dan jambatan *link bridge* yang menyambung Pusat Bandar Damansara Kuala Lumpur adalah di dalam kawasan pembangunan semula Pusat Bandar Damansara sepertimana pelan kelulusan dalam kelulusan Perintah Pembangunan kawasan tersebut.

Jalan Damanseri menghubungkan Jalan Damansara dan Jalan Damanlela (Pusat Bandar Damansara) melalui jambatan '*link bridge*' sedia ada. Penutupan jalan ini dan perubahan aliran trafik selepas pembangunan siap telah mengambil kira lalu lintas di kawasan persekitaran pembangunan termasuk pembinaan jalan bertingkat dari persimpangan Jalan Damansara/Jalan Maarof ke Jalan Semantan di atas Jalan Damansara (Sprint Highway). Pembinaan jalan bertingkat (*elevated*) ini akan mengurangkan bilangan trafik persekitaran.

Sesi *engagement* telah dibuat di peringkat perancangan sebelum Perintah Pembangunan diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Mesyuarat antara DBKL, wakil penduduk serta pemaju telah diadakan di mana pihak pemaju bersetuju dan bersedia mencadangkan beberapa alternatif baru bagi memastikan keselesaan serta kemudahan hubungan penduduk sekitar Bangsar dan Damansara dapat ditingkatkan.

- (b) Projek tersebut adalah merupakan projek yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia melalui *land swap* untuk pembinaan Jalan Sambungan dari Lebuhraya NORTH KLANG VALLEY EXPRESSWAY (NKVE) dan Lebuhraya DUTA ULU KLANG EXPRESSWAY (DUKE) ke kawasan Dutamas dan KL Metropolis. Projek ini dikendalikan oleh Unit Kerjasama Awam dan Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri bagi pihak Kerajaan Malaysia sebagai satu langkah penyuraian trafik bagi kawasan Segambut dan Dutamas. Kerja-kerja pembinaannya akan diselaras oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia dan akan diserahkan kepada DBKL untuk penyelenggaraan setelah siap dibina dan beroperasi.

Status projek masih di dalam peringkat perancangan akhir dan menandatangani Perjanjian di antara pemaju iaitu Usima Sdn. Bhd. dengan Kerajaan Malaysia.